

25 NOV 1999

Ling-Sokongan

KAUM CINA SUDAH BUAT KONSENSUS UNTUK SOKONG BN, KATA LING

KAMPAR, 25 Nov (Bernama) -- Dengan hanya empat hari lagi sebelum hari pengundian pada Isnin depan, masyarakat Cina dipercayai sudah membuat konsensus di kalangan mereka untuk memberi sokongan padu kepada Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum ke-10 ini.

Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata ini berdasarkan kepada maklumat balas daripada segenap lapisan pengundi di seluruh negara ketika beliau melakukan rondaan.

"Saya percaya berdasarkan kepada rondaan saya di merata tempat di seluruh negara, kaum Cina telah membuat konsensus dari kalangan perniagaan, orang perseorangan, kelas sederhana, pekerja. Saya percaya kebanyakan akan sokong Barisan Nasional," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melawat kampus sementara Kolej Tunku Abdul Rahman (TAR) cawangan Perak di sini, hari ini.

Katanya, jangkaan sokongan kuat kaum Cina kepada BN juga adalah kerana kejayaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membawa Malaysia keluar daripada krisis ekonomi yang dihadapi baru-baru ini.

"Saya percaya kaum Cina akan berterima kasih kepada Perdana Menteri yang mempunyai prestasi yang baik dalam membawa kita keluar daripada kegawatan ekonomi," kata Ling.

Ling juga berkata, kampus tetap Kolej TAR cawangan Perak akan siap pada tahun 2001 dilengkapi dengan pelbagai kemudahan terkini bagi pelajar.

Kampus yang dibina dengan kos RM25 juta itu akan juga dilengkapi dengan pelbagai kemudahan sukan seperti kolam renang bersaiz olimpik, dewan serbaguna, gelanggang skuasy, katanya.

Menurut Ling, segala kemudahan itu akan turut dikongsi dengan penduduk Kampar.

-- BERNAMA

MHI NMO